

13 NOV 1998

APEC-BERITA-PWTC/I

PWTC DIHIAS UNTUK SIDANG KEMUNJAK PERNIAGAAN APEC

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pusat konvensyen utama negara, sudah bersedia dengan hiasan-hiasan menarik untuk menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemunjak Perniagaan Apec selama dua setengah hari yang bermula esok.

Pada masa yang sama ia menyiapkan diri bagi menghadapi cabaran terbesar, iaitu mengubah wajah Dewan Merdeka daripada menjadi pusat konvensyen kepada dewan makan dalam masa enam jam sahaja.

Sidang Kemunjak Perniagaan akan disertai oleh 1,200 ketua-ketua industri dari 21 anggota Apec, termasuk Rusia, Peru dan Vietnam yang akan meanggotai perkumpulan itu pada sidang kemunjak Apec di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Sidang Kemunjak itu Ahad ini. Presiden Amerika Bill Clinton dijadualkan menyampaikan ucapan utama Isnin ini.

Lima pemimpin Apec juga telah mengesahkan untuk menyertai "sesi khas dengan pemimpin-pemimpin Apec" pada tengah hari Isnin. Mereka adalah Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, Presiden Korea Kim Dae-Jung, Presiden Peru Alberto Fujimori, Presiden Mexico Ernesto Zedillo dan Presiden Chile Eduardo Frei.

Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin dan Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley akan memberi ucapan semasa upacara makan tengah hari masing-masing pada Ahad dan Isnin, sementara Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed adalah antara penceramah di salah satu sesi.

PWTC telah diletak dalam keselamatan ketat dengan pengimbas dipasang di semua pintu masuk dan keluar dari tempat itu.

Pusat itu diberikan sentuhan Malaysia dengan hiasan bunga-bunga Malaysia. Pengurus Kanan Perhubungan Awam dan Komunikasi Sopiah berkata antara bunga-bunga itu adalah jenis orkid "Bom", "Golden Showers", "Iskandar", "Chark Kwan", "Dendrobium" dan "Kooi Choo".

Pusat itu juga dilengkapi dengan pusat media antarabangsa yang menyediakan 200 komputer meja, 50 telefon dan talian 15 faksimili untuk memudahkan 700 wartawan tempatan dan asing yang membuat liputan upacara tersebut.

PWTC juga berhati-hati dalam menyediakan menu makanan dengan mengambil kira keperluan makanan VIP, termasuk Daim, yang tidak makan ayam atau burung, sementara Shipley tidak memakan sebarang kacang-kacangan.

Peserta upacara itu juga akan diraikan dalam suasana pasar malam malam esok dengan makanan ala-gerai tempatan, antaranya ayam dan itik panggang, char kway teow, popiah, otak-otak, stay ayam dan daging, roti jala, tosai, putu piring dan kopi dan teh tarik.

-- BERNAMA

AFY JR MA